



Bilangan Kami : JPPPW/POL/2500/02

3 November 2014

PEMEGANG LESEN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG

Tuan/Puan

PENGEMUKAAN LAPORAN SUKU TAHUNAN BERKENAAN STATUS KEWARGANEGARAAN PEKERJA PEMEGANG LESEN

Sebagai usaha pemantauan Bank Negara Malaysia (Bank) ke atas perkembangan industri perniagaan perkhidmatan wang, para pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang adalah dikehendaki untuk menghantar laporan status pekerja kepada pihak Bank pada setiap suku tahun.

2. Jadual penghantaran laporan adalah seperti berikut:

Pelaporan Bagi	Tarikh Rujukan	Tarikh Akhir Penghantaran
Suku-tahun pertama	31 Mac	Setiap 15 April
Suku-tahun kedua	30 Jun	Setiap 15 Julai
Suku tahun ketiga	30 September	Setiap 15 Oktober
Suku tahun keempat	31 Disember	Setiap 15 Januari

Sehubungan ini, penghantaran pertama laporan ini perlu dibuat selewat-lewatnya **15 November 2014** bagi status pekerja untuk suku tahun ketiga 2014.

3. Laporan hendaklah dihantar secara digital melalui eSurvey menggunakan borang yang telah disediakan. Borang ini (**Lampiran I**) boleh dimuat turun dari Regulatory Handbook (RH) atau dari microsite Bank di pautan http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=fs_msb&pg=fs_msb_legislation_guidelines&lang=en.

4. Sila ambil maklum bahawa keperluan pelaporan ini adalah dibuat mengikut peruntukan seksyen 34 Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW). Bank Negara Malaysia akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas sebarang ketidakpatuhan terhadap keperluan ini.

Yang Benar,


(Shahariah Othman)

Pengarah
Jabatan Pengawalan Perniagaan Perkhidmatan Wang